

21/11/1998

Wanita mahu kerajaan tegas hadapi campur tangan luar

LENGGONG, Jumaat - Pergerakan Wanita Umno mahu kerajaan tegas dalam sebarang isu politik dan ekonomi untuk mengelak campur tangan pihak luar, terutama kuasa besar seperti Amerika Syarikat.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata sikap tegas itu wajar dipertahankan terutama membabitkan isu politik semasa seperti sokongan Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore terhadap gerakan reformasi penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pendirian yang tegas, katanya, perlu ditonjolkan bagi menentang kenyataan Setiausaha Negara, Madaleine Albright yang mempertikaikan sistem keadilan negara ketika kedua-duanya menghadiri sidang Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Zaharah yang juga Timbalan Menteri Kesihatan berkata, pemimpin asing wajar lebih profesional apabila datang ke negara ini untuk urusan rasmi dan bukannya cuba mencampuri soal dalaman negara.

"Sepatutnya mereka meletakkan agenda utama datang ke negara ini atas urusan itu saja, bukan membawa bersama sentimen tertentu untuk memburukkan imej negara ini di mata dunia," katanya selepas merasmikan Karnival Kesihatan Daerah Lenggong di sini, hari ini.

Beliau mengulas tindakan kedua-dua pemimpin Amerika itu, terutama ucapan Gore yang menyokong gerakan reformasi.

Zaharah berkata, kedua-dua pemimpin itu tiada hak untuk mencampuri urusan dalaman Malaysia, sebaliknya mereka perlu mengurus agenda dalaman negara sendiri.

"Mereka sepatutnya datang dengan cara terhormat kerana Malaysia adalah tuan rumah sidang Apec kali ini, tetapi sebaliknya mereka membawa bersama agenda lain untuk memburukkan imej negara," katanya.

Beliau memuji kemampuan Malaysia bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengendalikan sidang Apec berkenaan.

Katanya, dalam soal antarabangsa seperti itu, Malaysia sentiasa menunjukkan sikap positif, proaktif dan berfokus dan hasilnya sesuatu yang dirancangan sering mencapai matlamat.

Sehubungan itu, katanya, segala cadangan sidang Apec Kuala Lumpur itu wajar disusuli oleh setiap pemimpin negara anggota dan pegawai mereka untuk memastikan kejayaan pelaksanaannya.

(END)